

**BORANG PENGAKUAN DAN PENGISYTIHARAAN
PENGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN
BUATAN (AI) DALAM PELAKSANAAN
PROJEK SARJANA MUDA**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Sains Pendidikan
dan Teknologi

Bahagian A: Maklumat Pelajar

Sila lengkapkan dan tandakan (✓) pada ruang yang berkenaan.

Fasa Penulisan Projek Sarjana Muda: () PSM I () PSM II

Nama Pelajar	
No. Matrik	
Program	
Tajuk Projek	

Sila baca Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D dengan teliti dan tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.

**Bahagian B: Pengakuan dan Pengisytiharan Penggunaan Teknologi Kecerdasan
Buatan (AI)**

(a)	Saya tidak menggunakan sebarang teknologi Kecerdasan Buatan (AI) atau AI Generatif dalam penyediaan projek sarjana muda ini. <i>(Jika anda tandakan (✓) pada pernyataan (a), sila lengkapkan borang ini dengan mengisi Bahagian D)</i>	
(b)	Saya menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) atau AI Generatif sebagai alat bantuan dalam penyediaan projek sarjana muda ini. <i>(Jika anda tandakan (✓) pada pernyataan (b), sila lengkapkan borang ini dengan mengisi Bahagian C, dan Bahagian D)</i>	

Bahagian C: Tujuan Penggunaan Teknologi AI

Saya mengesahkan bahawa teknologi AI hanya digunakan bagi tujuan berikut:

(a)	Penjanaan idea awal, sumbang saran (<i>brainstorming</i>), atau penerokaan topik kajian.	
(b)	Membantu menghasilkan cadangan tajuk, objektif, persoalan kajian atau skop projek.	
(c)	Membantu memperbaiki tatabahasa, ejaan, struktur ayat atau gaya penulisan akademik.	
(d)	Membantu menterjemah kandungan antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.	
(e)	Membantu menghasilkan ringkasan literatur atau memahami sumber rujukan.	
(f)	Membantu menjana contoh kod atur cara, skrip atau algoritma yang kemudiannya telah disemak dan disahkan oleh saya.	
(g)	Membantu menghasilkan, memperkemas atau mereka bentuk elemen visual seperti jadual, carta, rajah, infografik, visualisasi data dan bahan grafik yang digunakan dalam laporan, penulisan akademik, pembangunan modul, pembangunan projek atau pembentangan.	

Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) digunakan hanya sebagai alat bantuan dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan penulisan. Pelajar kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keaslian, ketepatan, kesahan akademik dan integriti keseluruhan kandungan Projek Sarjana Muda yang dikemukakan.

(h)	Membantu dalam analisis data, visualisasi data, atau interpretasi awal keputusan, namun segala idea, perbincangan, hujah, dapatan dan kesimpulan dalam laporan, modul atau projek adalah hasil kerja saya sendiri dan telah disemak serta disahkan oleh saya.	
(i)	Membantu menyemak konsistensi format penulisan, sitasi dan rujukan.	
(j)	Lain-Lain (nyatakan):	

Bahagian D: Pengakuan Tanggungjawab Pelajar

(a)	Saya mengaku bahawa projek sarjana muda ini adalah hasil kerja asli saya sendiri kecuali bahagian yang telah dinyatakan sumber rujukannya.	
(b)	Saya memahami bahawa penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (<i>Artificial Intelligence, AI</i>) seperti <i>ChatGPT, Gemini, Copilot</i> atau teknologi yang seumpamanya tidak menggantikan tanggungjawab saya sebagai penulis dan penyelidik.	
(c)	Saya telah menyemak, mengesahkan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, kesahihan, interpretasi dan kandungan akhir yang terkandung dalam laporan projek ini.	
(d)	Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan fakta, analisis, dapatan kajian, kod atur cara dan kesimpulan yang terkandung dalam projek ini.	
(e)	Saya mengesahkan bahawa teknologi AI tidak digunakan untuk menghasilkan keseluruhan laporan, modul atau dokumentasi projek tanpa semakan, pengesahan, penelitian kritikal dan pengubahsuaian yang sewajarnya oleh saya.	
(f)	Saya mengakui bahawa sebarang penyalahgunaan AI yang menyebabkan pelanggaran etika akademik, termasuk plagiarisma atau pemalsuan maklumat, adalah di bawah tanggungjawab saya sepenuhnya.	
(g)	Saya mengesahkan bahawa semua sumber yang digunakan dalam projek ini telah dirujuk dan dinyatakan mengikut format sitasi yang ditetapkan.	

Tandatangan Pelajar	Tarikh
(Bahagian ini perlu diisi oleh Penyelia) Saya mengesahkan bahawa borang pengakuan dan pengisytiharan ini telah diserahkan oleh pelajar dan segala maklumat yang diperakukan dan diisytiharkan adalah di bawah tanggungjawab pelajar. Tandatangan saya adalah sebagai saksi kepada pengakuan dan pengisytiharan tersebut dan tidak menjejaskan tanggungjawab pelajar terhadap keaslian, ketepatan dan integriti akademik projek yang dikemukakan.	
Tandatangan dan Cop Penyelia	Tarikh